

PERKEMBANGAN AWAL KOGNITIF

Kamarul Azmi Jasmi
Wan Shazwani Jabir
Siti Najwa Zamri

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Jasmi, K. A., Jabir, W. S., & Zamri, S. N. (2012). *Perkembangan Awal Kognitif in Prosiding Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia* at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 22 September 2012, pp. 17-36. ISBN 978-967-0194-24-0 .

Abstrak

Berdasarkan buku *Raising Kids in the 21st Century (Early Cognitive Growth)* dapat dilihat bagaimana ibu bapa perlu mendidik anak-anak kecil sejak dilahirkan sehingga lingkungan 1 hingga 2 tahun. Selain itu, cara untuk menguruskan tumbesaran anak-anak dan memahami perwatakan mereka yang sukar dijangkakan. Buku ini juga menjelaskan perbezaan antaracara layanan terhadap anak-anak dari segi perspektif Islam sendiri.

2

PERKEMBANGAN AWAL KOGNITIF

Kamarul Azmi Jasmi
Wan Shazwani Jabir
Siti Najwa Zamri

Abstrak

*Berdasarkan buku *Raising Kids in the 21st Century (Early Cognitive Growth)* dapat dilihat bagaimana ibu bapa perlu mendidik anak-anak kecil sejak dilahirkan sehingga lingkungan 1 hingga 2 tahun. Selain itu, cara untuk menguruskan tumbesaran anak-anak dan memahami perwatakan mereka yang sukar dijangkakan. Buku ini juga menjelaskan perbezaan antaracara layanan terhadap anak-anak dari segi perspektif Islam sendiri.*

PENGENALAN

Setiap pasangan suami isteri pasti mempunyai rasa keinginan untuk memiliki cahaya mata sendiri. Hasil berkat dan usaha serta rezeki yang diberi oleh Allah S.W.T. pasti akan mendapatnya. Kita sebagai umat yang percaya pada-Nya yang Maha Esa perlu lah sentiasa berdoa untuk mendapatkan sesuatu daripada-Nya. Anak merupakan salah satu rezeki yang tidak ternilai yang dikurniakan untuk setiap pasangan yang berkahwin. Mungkin ada sesetengahnya sukar ataupun tidak mempunyai rezeki untuk mendapat anak sendiri, anggaplah ini sebagai dugaan ketika di dunia yang sementara. Manakala yang mempunyai peluang untuk mendapat anak sendiri perlu lah sentiasa bersyukur dengan rezeki yang diberi Allah SWT.

Peluang untuk menyambut yang tersayang ke dunia ini adalah merupakan saat yang paling manis yang pernah dialami. Ia juga merupakan saat yang dinantikan oleh setiap pasangan yang berkahwin dan bakal bergelar ibu dan bapa. Penantian seorang ibu dan bapa terutamanya ibu selama sembilan bulan pastilah menjadi saat yang paling mendebarkan disamping menggembirakan untuk menerima kelahiran yang amat bermakna tersebut tambahan pula ia merupakan kelahiran sulung di dalam ahli keluarga. Pasti ia merupakan suatu perasaan yang amat manerujakan.

Penjagaan anak ini haruslah desimbangkan oleh kedua-dua ibu bapa dan tidak boleh bersikap sambil lewa dalam menjalankan tanggungjawab besar ke atas amanat Allah SWT. Merupakan dosa besar jika tidak mematuhi dan melaksanakannya.

Seperti zaman sekarang, ibu bapa lebih tertumpu pada kerjaya masing-masing. Di pagi hari mereka akan pergi keluar bekerja dan akan pulang ke rumah lewat malam. Manakala anak-anak dibiarkan terurus oleh orang luar seperti ketika di sekolah, maka guru lah orang yang bertanggungjawab keatas anak-anak mereka. Hal ini demikian merupakan kesalahan yang amat besar yang sering disalah gunakan oleh ibu bapa kini. Memanglah bekerja penting untuk menyara kahidupan sekeluarga, tetapi perlulah ingat bahawa anak-anak seusia ini memerlukan perhatian yang lebih dalam proses tumbesaran mereka. Seharusnya ibu bapa lah orang yang paling bertanggungjawab dalam memikul tugas menjaga anak-anak ini. Jika berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini maka ibu bapa juga lah yang harus dipersalahkan atas kelalaian dalam mendidik anak-anak kearah yang lebih baik dan berakhlak tinggi.

Kekurangan ilmu mengenai rohani dan akhlak akan menyebabkan anak-anak kita akan terpesong jauh dan kemungkinan besar akan mengalami masalah. Contoh dapat dilihat kini, banyak anak muda mempunyai masalah sosial yang sukar dibendung. Pengaruh rakan sebaya terutamanya pasti membuatkan mereka lagi terpesong. Hal ini kerana, anak-anak zaman sekarang lebih cenderung untuk mencuba sesuatu perkara baru yang belum pernah mereka lakukan

mahupun temui. Akibat daripada perasaan ingin tahu tersebut sangat membuak, maka mereka akan mencubanya sendiri tanpa berfikir akibatnya yang bakal mereka tempuhi kelak. Itulah yang terjadinya jenayah pembuangan bayi, merempit, menagih dadah, meragut dan lain lagi.

Kebanyakan jenayah ini berlaku dikalangan anak-anak muda yang mempunyai masalah peribadi mahupun keluarga yang tidak sempurna. Bagi membendung perkara ini lebih berleluasa, kita sebagai ibu bapa harus mengawasi aktiviti mereka bukan untuk mengongkong kehidupan mereka tetapi untuk menjaga diri mereka daripada terjebak dengan aktiviti yang boleh merosakkan diri mereka. Anak-anak pula seharusnya faham apa yang ibu bapa cuba lakukan untuk mereka. Bukan hendak mengongkong kehidupan cuma, mahu anak-anak berada di landasan yang betul dan masa depan yang cerah kelak.

ANAK ADALAH AMANAH ALLAH

Anak merupakan amanah yang dipertanggungjawabkan keatas suami isteri. Allah S.W.T. mengurniakan anak kepada setiap suami isteri bukanlah sesuatu yang harus diterima dengan perasaan gembira tetapi perlu disertakan dengan rasa tanggungjawab dan sepenuh perhatian kepadanya. Sebuah hadis ada menyatakan (al-Nasa'i, t. t. : 9129; Ibn Hibban, t. t. : 9174; Abi 'Awanah, t. t. : 7036):

عَنْ أَنَسٍ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ : إِنْ اللَّهَ سَأَلْتُ كُلَّ رَاعٍ عَمَّا
اسْتَرْعَاهُ ، أَحْفَظَ ذَلِكَ أَمْ ضَيَّعَ ؟

Maksud: *Anas r.a. berkata bahawa Nabi s.a.w. Bersabda; "Sesungguhnya Allah akan bertanya kepada setiap penanggungjawab akan tanggungjawabnya, apakah dia telah memeliharanya atau mensia-siakannya."*

(Al-Nasa'i dan Ibn Hibban)

Disitu dapat dilihat bahawa Rasulullah s.a.w. telah membuat penegasan tentang amanah Allah S.W.T. kepada umat manusia. Sebagai umat pula kita patut bersyukur atas kurniaan anak tersebut kerana anak adalah Nur (cahaya) mahupun rezeki yang tidak dijangka. Terdapat juga sesetengah pasangan suami isteri yang sukar untuk mendapatkan zuriat namun kita sebagai umat yang mempunyai pencipta Yang Maha Pengasih dan lagi Maha Penyayang perlu berdoa, berusaha dan tawakkal untuk mendapatkan sesuatu daripada Nya.

Bagi yang berpeluang mempunyai zuriat pula perlu lah mempunyai rasa tanggungjawab untuk memelihara dan mendidik anak tersebut supaya menjadi anak-anak yang soleh dan solehah. Hal ini demikian kerana tanggungjawab ibu bapa telah wujud sebelum terbentuknya janin. Tanggungjawab ini amatlah besar. Suami dan isteri haruslah saling bantu-membantu antara satu sama lain bagi mencapai objektif untuk mendidik anak-anak menjadi anak yang soleh dan solehah.

Langkah awal yang perlu dititikberatkan oleh setiap ibu bapa ialah memberi pendidikan kepada anak-anak sejak kecil lagi terutama pendidikan berteraskan Islam. Hal ini kerana, pendidikan yang salah terhadap anak-anak boleh meruntuhkan akhlak dan moral manusia. Contohnya sudah banyak kita boleh lihat pada zaman sekarang. Rasulullah s.a.w. (Muslim, 2001: 4803)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّهُ كَانَ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ وَيُنَصِّرَانِهِ وَيِمَجْسِئَانِهِ

Maksud: *Abu Hurairah r.a. berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Setiap anak dilahirkan di atas fitrah (suci murni) melainkan ibu bapanya yang menyahudikannya atau mengkristiankannya atau memajusikannya."*

(Muslim)

Berdasarkan hadis itu kita sebagai ibu bapa ditanya: "Apakah anak itu dikurniakan Allah bagi kita hanya sebagai barang permainan, sebagai buah hati, timang-timangan ibu, penyenang hati atau sebagai penglipur lara sahaja? Tidak!"

Oleh sebab itu, kita perlu membekalkan anak-anak dengan ilmu pengetahuan agama seimbang dengan umum supaya kelak tidak digelar pula ketinggalan zaman. Hal ini kerana, anak yang baru lahir ini umpama sehelai kain putih yang masih suci daripada kotoron dunia. Ibu bapa lah yang harus mencorakkannya menjadi anak yang baik dan jika tersalah corak maka anak tersebut akan menjadi apa yang dicorakkan oleh ibu bapanya. Al-Afnab bin Qias menjawab apabila Khalifah Muawiyah bertanya tentang anak :

"Wahai Amirul Mukminin! Adapun anak itu ialah buah hati kita, tulang belakang kita. Kita ini adalah bumi yang lebar tempatnya berpijak, langit tempat mereka berlindung teduh dan bernaung dari kerananya lah berani kita menempuh kesukaran bagaimana sulit. Dari itu bila mereka meminta, berikan, bila mereka kecewa, senangkan hatinya agar dibalasinya dengan cinta pula dan harganya kepayahan kita."

Sebagai seorang lelaki mahupun yang sudah bergelar bapa, menjadi suatu keharusan untuk mendidik anaknya hukum-hukum halal dan haram, menjauhkan dari perbuatan maksiat dan dosa serta mengajarnya sopan santun yang harus dimilikinya. Hal ini demikian merupakan tanggungjawab yang besar yang harus dipikul oleh seorang bapa dan perkara ini pasti disoal di akhirat kelak jika tiada kesempurnaannya. Aisyah r.a. berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda (Muslim, 2001: 4697):

عَنْ عَائِشَةَ زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ يَا عَائِشَةُ إِنَّ اللَّهَ رَفِيقٌ يُحِبُّ الرِّفْقَ وَيُعْطِي عَلَى الرِّفْقِ مَا لَا يُعْطِي

عَلَى الْعُفْفِ وَمَا لَنَا يُعْطِي عَلَيَّ مَا سِوَاهُ

Maksud: "Aisyah istri Nabi s.a.w. bahwa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Hai Aisyah, sesungguhnya Allah itu Maha Lembut. Dia mencintai sikap lemah lembut. Allah akan memberikan pada sikap lemah lembut sesuatu yang tidak Dia berikan pada sikap yang keras dan juga akan memberikan apa-apa yang tidak diberikan pada sikap lainnya."

(Muslim)

Hal ini kerana, Allah S.W.T. mempunyai sifat lemah lembut yang sangat tinggi dan terdapat perasaan cinta dan kasih sayang di dalamnya. Oleh sebab itu, Islam amat menitikberatkan malahan menjadi kewajipan kepada semua umatnya untuk berlemah lembut kepada setiap ahli keluarga. Islam merupakan agama yang lemah lembut, kita sebagai umat Islam lah yang harus mencorakkannya dan membawanya ke arah pandangan yang sempurna terhadap anak muda sekarang mahupun orang kafir juga pasti akan merasakan keindahan Islam itu sendiri.

PROSES PENDIDIKAN

Zuriat (anak) yang baru dilahirkan diperlakukan seperti yang diajarkan dalam sunnah. Diriwayatkan dari Abi Rafi' r.a. ia berkata (al-Tarmidhi, 1994: 1436):

رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ أَذَّنَ فِي أُذُنِ الْحَسَنِ بْنِ عَلِيٍّ حِينَ وُلِدَتْهُ
فَاطِمَةُ بِالصَّلَاةِ

Terjemahan: Aku melihat Rasulullah s. a. w mengazankan dengan azan solat di telinga Hasan b. Ali ketika Fatimah r.a. melahirkannya.

(Al-Tirmidhi)

Sebahagian ulama menyatakan mengucapkan azan ditelinga kanan bayi dan mengucapkan iqomat solat ditelinga kiri. Perkara ini dilakukan bertujuan untuk mengenalkan ayat-ayat suci al-Quran kepada bayi. Hal ini demikian dapat dilihat bahawa Islam amat bersopan santun serta beradap terhadap sesama manusia mahupun bayi yang baru dilahirkan.

Disamping itu juga, ibu bapa harus memainkan peranan dalam cara mendidik mereka. Ibu bapa perlu berwaspada atas perlakuan lain yang bercanggah dengan perlakuan ibu bapa. Hal ini demikian kerana, boleh meruntuhkan pendidikan yang telah mereka beri kepada anak-anak. Hal ini kerana anak-anak yang masih kecil lebih terdorong untuk mengikut perilaku orang yang terdapat disekitar mereka. Sebagai ibu bapa yang boleh diklasifikasikan sebagai orang yang paling hampir dan sentiasa ada bersama mereka, maka haruslah sentiasa menunjukkan tauladan dan perilaku yang baik. Hal ini demikian mampu merangsang anak-anak supaya menjadi anak yang baik, soleh dan solehah. Bak kata pepatah "melentur buluh biarlah dari rebungnya". Janganlah kita menyesal di akhirnya nanti jika anak-anak tidak menjadi manusia yang berguna terhadap negara, masyarakat dan keluarga (Mek Wok Mahmud & Sri Zuraihan Mohamad, 2010: 64)

Selain itu, sebagai ibu bapa kita perlu mengambil perhatian terhadap anak-anak terutama pada tahap anak-anak ingin membesar. Tahap fizikal dan emosi mereka haruslah kita mengambil berat. Hal ini demikian kerana pada tahap 1 hingga 6 bulan tumbesaran bayi amatlah cepat. Kita perlu mengambil tahu terhadap aktiviti dan melayan emosi mereka jika perlu. Contohnya untuk anak-anak yang masih kecil, berilah mereka permainan yang lembut dan tidak merbahaya kerana pada ketika ini mereka sudah mampu untuk mencapai, menolak dan menarik benda yang terdapat di sekeliling. Bunyi-bunyian juga turut merangsang mereka untuk bergerak aktif. Oleh disebabkan itu, mereka akan terus-terusan menggoncangkan objek tersebut supaya mengeluarkan bunyi (Hall, 2008: 18)

Manakala bagi anak-anak yang lingkungan umur 5 hingga 6 tahun keatas, aktiviti mereka ini haruslah di ambil tahu. Hal ini kerana perubahan zaman yang semakin canggih dengan teknologi mampu merosakkan anak-anak jika tidak diawasi. Zaman kini tidak lagi seperti zaman datuk nenek moyang kita dahulu yang hanya menggunakan alam sekitar untuk dijadikan permainan harian mereka. Contohnya permainan guli, tuju kasut, batu seremban dan banyak lagi. Semua permainan ini boleh bermain di persekitaran halaman rumah dan disebabkan itu, ibu bapa masih boleh memantau anak-anak mereka bermain apa, dengan siapa dan lain lagi.

Di zaman yang moden lagi canggih ini, anak-anak lebih terdorong untuk bermain sendirian. Maksudnya disitu kita dapat lihat ialah anak-anak sekarang lebih banyak menghabiskan masa bermain di dalam rumah berbanding di luar. Hal ini kerana, mereka lebih berminat untuk bermain dengan permainan komputer yang pelbagai jenis dan menarik minat mereka. Perkara ini mungkin ada kebaikannya kerana anak-anak tidak terdedah dengan ancaman bahaya mahupun terjebak dengan aktiviti yang tidak bermoral, tetapi ini boleh menyebabkan anak-anak kita tidak mempunyai ramai kawan yang boleh membantu dari segi perkembangan mental dan fizikal. Walaupun mereka tidak terdedah dengan ancaman bahaya ketika di luar rumah, tetapi mereka mungkin akan terdedah dengan perkara-perkara negatif yang terdapat dalam teknologi sekarang ini. Ibu bapa haruslah memainkan peranan dalam memantau setiap gerak geri anak ketika mereka bermain dengan alat-alat yang berteknologi ini.

Anak-anak yang sihat haruslah mempunyai daya pemikiran yang kreatif, kritis dan inovatif. Dari segi fizikal pula perlulah mempunyai tubuh badan yang sihat sejahtera. Hal ini demikian boleh dipupuk dengan melakukan banyak senaman seperti bermain bola bersama kawan, berjoging di petang hari dan macam-macam lagi. Disamping itu, ibu bapa dan ahli keluarga juga mungkin sesekali dapat meluangkan masa bersama anak-anak ini dalam aktiviti

beriadah. Anak-anak ini akan menjadi lebih seronok jika keluarga mereka turut serta bersama dalam masa yang sama kesihatan anak-anak ini akan lebih cergas dan semakin sehat. Jika kedua-dua ini boleh diseimbangkan dengan baik maka anak-anak kita pasti sentiasa berada dalam keadaan yang tidak bermasalah malah mampu meyelesaikan masalah dengan sendiri dengan matangnya. (Hall, 2008: 20)

Walaupun bagaimanapun, emosi anak-anak juga harus dititik beratkan. Ibu bapa perlu tahu jikalau mereka berada dalam keadaan sedih, gembira, berminat terhadap sesuatu, marah dan lain-lain lagi. Pada ketika inilah ibu bapa harus mendekati diri dan memberi sepenuh kasih sayang kepada mereka supaya mereka merasa selamat dan selesa selepas menghadapi kesukaran mahupun kegembiraan. Mungkin ini merupakan sebuah cabaran untuk ibu bapa untuk mengenali anak-anak terutama anak-anak yang kian membesar sepanjang hari.

Sebagai ibu bapa, kita perlu berwaspada terhadap perubahan emosi anak-anak. Hal ini demikian kemungkinan dapat membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka. Anak-anak sebenarnya sukar untuk menceritakan hal ataupun masalah yang mereka hadapi, sebagai contoh mereka dibuli dan disindir ketika disekolah. Mereka lebih suka bersikap memendam rasa dan menyembunyikan masalah yang mereka hadapi. Jika mereka melaporkan perkara tersebut ke ibu bapa, mereka kemungkinan besar akan merasakan persaan rendah diri yang teramat kerana mereka tidak mampu meyelesaikan masalah mereka sendiri. Kemudian, kemungkinan mereka akan menjadi lebih tertekan dengan masalah tersebut sehingga mengganggu pelajaran dan kehidupan seharian mereka.

Maka sebagai ibu bapa yang prihatin, kita perlu berwaspada dengan dengan setiap perubahan perilaku dan emosi anak-anak. Ibu bapa perlu berusaha mencari masa yang lebih untuk diluangkan bersama anak-anak. Kemudian kita harus mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menyelesaikan masalah tersebut. Janganlah

kita memarahi mereka ataupun menjatuhkan semangat mereka dengan menyindir mereka kembali. Hal ini demikian boleh membuatkan anak-anak bertindak di luar jangkaan kita kerana pada peringkat ini anak-anak lebih terdorong untuk memberontak (Abdullah Nashih Ulwan:1996, 385).

Antara pendidikan lain yang boleh diajar kepada anak-anak kita ialah mengajar anak-anak ketika makan. Banyak hadis ada menunjukkan Rasulullah s.a.w. mengajar kanak-kanak agar menjaga adab dalam setiap perilaku ketika hendak makan. Riwayat Umar bin Abi Salamah, anak tiri Rasulullah SAW, katanya (al-Bukhari, 1994: 4957):

عَنْ عُمَرَ بْنِ أَبِي سَلَمَةَ قَالَ كُنْتُ غُلَامًا فِي حَجْرِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ
وَكَانَتْ يَدِي تَطِيَّشُ فِي الصَّحْفَةِ فَقَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَا غُلَامُ
سَمِّ اللَّهَ وَكُلْ بِيَمِينِكَ وَكُلْ مِمَّا يَلِيكَ فَمَا زِلْتُ تَلِكَ طِعْمَتِي بَعْدُ

Maksud: 'Umar bin Abi Salamah berkata, "Aku adalah seorang anak muda dalam pemeliharaan Rasulullah SAW. Tanganku berkeliling dalam piring besar (talam) di waktu makan malam, maka Rasulullah s.a.w. bersabda, " Hai anak muda! Sebutkan nama Allah, makanlah dengan tangan kananmu dan makanlah akan makanan yang dekat denganmu! Maka sentiasalah makanku seperti itu kemudiannya. "

(Al-Bukhari)

Beberapa pesan Imam Al-Ghazali ada menyatakan cara-cara untuk mendidik anak-anak ketika hendak makan. Antara perkara yang paling asas yang kita perlu patuhi terutama sebagai seorang umat Islam ialah cuci tangan sebelum makan, baca doa sebelum makan dan janganlah mengambil makanan melainkan dengan tangan

kanan sahaja. Kemudian , bacalah Bismillah bila menyuap makanan. Untuk nampak lebih tertib dan sopan di meja makan, ambillah makanan yang ada dihadapannya sahaja. Sesudah selesai makan, akhirnya dengan doa selepas makan (Mek Wok Mahmud & Sri Zuraihan Mohamad, 2010: 141)

KONSEP SALING MEMERLUKAN ANTARA HUBUNGAN KEKELUARGAAN DAN KASIH SAYANG

Bayi atau kanak-kanak sememangnya adalah anugerah dari Allah S.W.T. yang tidak ternilai bagi semua kalangan ibu bapa. Mereka merupakan amanah dari Allah untuk dijaga dan dipelihara dengan sempurna dan memastikan keselamatannya di dunia dan di akhirat. Setiap manusia yang berkahwin semestinya mempunyai keinginan untuk menimang cahayamata kerana mereka inilah yang akan menjadi penyambung zuriat keluarga dan mungkin pemimpin pada masa hadapan kelak. Anak-anak ini diibaratkan seperti sehelai kain putih yang masih suci, ibu bapa lah yang ditugaskan untuk mncorakkannya. Jadi, setiap ibu bapa atau penjaga harus memberikan sepenuh kasih sayang didalam proses mendidik anak-anak ini (Fatimah Omar, 1995, 32).

Perkembangan tumbesaran kanak-kanak bermula sejak kelahirannya dan ia sangat bergantung kepada penjagaan positif para ibu bapa. Hal yang demikian adalah kerana hubungan antara anak-anak dengan penjaga merupakan asas pembelajaran pertama persekitaran anak-anak. Sekitar umur bayi 6 hingga 8 bulan, mereka melihat penjaga atau ibu bapa mereka sebagai langkah asas untuk penerokaan persekitaran mereka (Hall, 2008: 23). Misalnya, ketika mereka bermain dengan alat-alat permainan, mereka akan terlebih dahulu memeriksa dengan penjaga atau ibu bapa pada masa yang sama. Apabila terpisahnya bayi dengan si penjaga, bayi tersebut akan menunjukkan kesusahan hati mereka dengan menangis atau merengek. Dengan ini, peranan penjaga dapat dilihat jelas supaya sentiasa

memberikan perhatian sepenuhnya pada mereka.

Hubungan kekeluargaan ini tidaklah hanya bergantung pada ibu bapa sahaja. Hubungan antara bayi dengan adik-beradik dan saudara-mara juga adalah penting dalam penjagaan perkembangan bayi. Hal ini adalah kerana adik beradik adalah ahli keluarga yang terdekat dengan anak-anak ini. Sebagai abang mahupun kakak bagi anak-anak ini, mereka perlu lebih matang dan beralah dengan adik mereka. Kerana adik mereka itu turut memerlukan belaian kasih sayang dari mereka juga selain kasih sayang daripada ibu bapa. Ahli keluarga yang lain ini memainkan peranan penting dalam membantu anak-anak ini untuk lebih memahami cara bagi menjalankan kehidupan seharian mereka dimana sahaja. Hubungan ini boleh disifatkan sebagai satu ikatan yang sihat dan positif bagi sebuah institusi kekeluargaan. Peranan interaksi antara penjaga dan bayi ini adalah untuk menggalakkan penyesuaian bayi dengan persekitaran baru tidak kira di rumah atau dimana sahaja (Abdullah Nashih Ulwan, 1996: 391). Hasilnya, pasti atau mungkin bayi ini akan lebih terdedah dengan kasih sayang dari semua pihak dan dapat menyesuaikan diri mereka dalam apa jua keadaan sekalipun sebagai langkah awal dalam perkembangan awal kehidupan mereka di dunia ini.

Penerokaan kehidupan di rumah dan hubungan yang terdapat didalamnya juga merupakan aspek penting dalam perkembangan tumbesaran kanak-kanak. Dalam usia anak-anak ini mencapai 2 hingga 3 tahun, mereka mendapat kesempatan dan dorongan untuk melakukan perkara yang diingini oleh mereka. Pada ketika ini, para penjaga memainkan peranan yang sangat penting dalam memantau perkembangan anak-anak. Pada usia sebegini, mereka telah mula mempunyai sifat ingin tahu dalam semua perkara. Mereka telah selalu memerhati pergerakan ibu bapa mereka ketika dirumah. Tamsilnya, di rumah selalunya mempunyai dapur yang dipenuhi dengan peralatan yang agak merbahaya bagi kanak-kanak seperti pisau, minyak panas dan sebagainya. Mereka mungkin akan meniru perbuatan ibu mereka ketika memasak di dapur, bermain

dengan pisau, minyak panas dan lain-lain lagi. Anak-anak ini masih lagi tidak mengerti akan makna bahaya pada mereka. Jadi si penjaga perlu memantau pergerakan mereka setiap masa.

Bagi memastikan tahap pemantauan penjaga terhadap anak-anak ini berkesan, si penjaga harus mempunyai sifat tetap dan tegas. Ibu bapa tidak boleh terlalu memanjakan anak-anak. Mungkin manjakan anak itu memang telah sedia ada dalam diri ibu bapa, tapi janganlah keterlaluan. Hal ini dikhuatiri akan membinasakan proses pendidikan anak-anak. Jika terlalu dimanjakan, anak-anak ini mungkin akan lebih sukar untuk mendengar arahan para ibu bapa dan sentiasa ingin apa yang mereka mahu ditunaikan. Apabila ibu bapa tidak tunaikan kemahuan mereka, mereka akan menjadi degil dan tidak mendengar kata.

Berkelakuan degil adalah normal bagi anak-anak yang seusia ini. Jadi si penjaga harus tegas dalam mendidik mereka dan tegas disini bukan bermaksud boleh menghukum mereka dengan kekerasan tetapi lebih kepada teguran secara psikologi terhadap mereka. Sebagai contoh, penjaga boleh menggunakan beberapa pernyataan ringkas seperti, "Jangan, awak tidak boleh berada disini (dapur), duduk di katil untuk dua minit dan awak akan dapat bermain selepas ini." Pada ketika ini, jadikan penggunaan masa dengan jelas seperti gunakan jam penggera atau loceng. Apabila tepat pada masanya, lepaskan anak-anak ini seperti yang telah dijanjikan tadi. Tindakan penjaga yang sebegini sedikit sebanyak dapat membantu membentuk tahap disiplin dalam diri anak-anak (Hall, 2008: 25).

Mendidik anak-anak bukanlah suatu perkara yang boleh dipandang remeh. Dari perspektif Islam, mendidik anak-anak adalah satu amanah pada ibu bapa. Ibu bapa harus mengambil berat akan proses perkembangan anak-anak sejak mereka lahir hinggalah mereka dewasa. Jangan pernah sekalipun lalai dalam mendidik anak-anak. Memberi pendidikan yang sempurna khususnya pendidikan agama Allah, didikan disiplin yang mantap sangat berguna pada kehidupan

anak-anak ini kelak. Bukan sahaja berguna untuk mereka, malah untuk para ibu bapa itu sendiri. Didiklah anak-anak ini dari mereka kecil ke jalan Allah supaya kehidupan mereka kelak lebih diberkati dan mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud (Muslim, 2001: 3084):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ
عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ
صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

Maksud: *Abu Hurairah r.a. berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Apabila telah meninggal manusia putuslah amalannya, kecuali tiga perkara. Sedekah jariah (umpamanya membuat masjid) atau ilmu yang memberi manfaat atau anak yang soleh yang mendoakannya."*

(Muslim)

Hadis ini menegaskan bahawa amal manusia terputus dengan kematiannya. Namun begitu terdapat amalan yang masih berkekalan diganjari kepada orang yang telah mati jika dia mengamalkan tiga amalan ini.

TAHAP PERKEMBANGAN KANAK-KANAK

Setelah melalui perkembangan ketika bayi, anak-anak ini pula akan menghadapi hari-hari mereka sebagai kanak-kanak. Perkembangan kanak-kanak ini bermula pada umur setahun dan keatas. Ketika ini, perkembangan kognitif mereka akan lebih giat berlaku. Pergaulan mereka akan lebih berkembang pada usia ini. Tambahan pula, pada usia yang sebegini mereka akan lebih bergantung pada penjagaan yang baik dari kalangan para ibu bapa. Jadi pada ketika

ini ibu bapa memainkan peranan membentuk dan menerapkan bahasa yang baik dalam diri anak-anak.

Perkembangan kognitif ketika ini merangkumi peningkatan tahap daya ingatan jangka masa pendek kanak-kanak seperti keupayaan mereka mengingati dimana mereka tinggalkan barang permainan atau yang mana satu permainan yg mereka gemar. Perspektif kanak-kanak terhadap dunia social mungkin agak sukar untuk mereka faham dan akan membataskan mereka. Jadi, mereka akan mengembangkan kemahiran ini (Kathlene M, Galotti:1957, 194). Sebagai contoh, kanak-kanak akan memulakan percakapan mereka dengan bayi berbeza percakapan mereka dengan kanak-kanak yang seusia mereka. Tingkah laku ini menunjukkan pada usia sebegini mereka mempunyai kebolehan untuk bertukar mengikut situasi yang tertentu. Mereka mempunyai anggapan yang tersendiri bahawa apabila orang lain yang ada dalam persekitarannya berubah, mereka juga perlu berubah.

Ketika usia kanak-kanak ini dua tahun hingga empat tahun, mereka telah menguasai banyak pengetahuan yang baru dan tidak lagi bergantung kesemuanya dari orang dewasa. Mereka akan lebih cenderung melakukan pelbagai perkara dalam kehidupan seharian mereka tanpa mengharapkan pertolongan dari orang dewasa. Sebagai contoh, keupayaan mereka untuk berdikari ketika di tandas. Kebiasaannya, mereka yang berada pada usia ini mulai ada rasa malu jika ada orang lain membantunya ketika di tandas. Jadi dengan inimeraka mengambil inisiatif untuk membuat semua perkara secara sendiri, tanpa bantuan orang lain.

Kawalan diri kanak-kanak kebiasaannya tertumpu pada manipulasi terhadap objek yang akan menarik perhatian mereka. Kita sebagai yang dewasa tidak boleh terlalu memandang rendah betapa pentingnya peraturan diri sendiri pada hidup kanak-kanak.

Apabila anak-anak ini telah mencapai umur 5 tahun dan ke atas pula, mereka telah melalui banyak perkara dalam hidup mereka. Tahap pemikiran mereka akan semakin berkembang dengan meluas. Ada diantara mereka telah memulakan alam persekolahan mereka apabila para ibu bapa menghantar mereka ke taska atau tadika

pada usia mereka yang sebegini. Pada ketika inilah pemikiran dan juga pergaulan mereka akan semakin berkembang. Mereka akan bertemu dengan ramai rakan yang seusia mereka disini. Mereka akan mula belajar untuk hidup berdikari tanpa ibu bapa mereka disini. Mungkin ada sebahagian dari mereka yang tidak boleh langsung berenggang dengan ibu bapa mereka. Fenomena yang sebegini adalah normal bagi kanak-kanak seusia ini. Lama kelamaan mereka akan semakin faham akan kehidupan seharian mereka, tidak boleh terlalu bergantung pada ibu bapa mereka. Dengan ini, tahap pemikiran mereka akan semakin berkembang.

KONSEP PENGULANGAN DAN ROLE MODEL BAGI KANAK-KANAK

Hubungan kasih sayang antara anak-anak dan ibu bapa yang wujud melalui pengalaman yang menyenangkan atau positif akan banyak membantu pembinaan jiwa anak-anak. Pada umur 2 tahun pertama sudah banyak perubahan yang terjadi pada anak-anak ini (Hall, 2008: 26). Tamsilnya, penumbuhan gigi, mulai berjalan dan berbicara.

Pada usia yang sebegini, anak-anak mulai cenderung melakukan percubaan terhadap segala yang dapat dicapainya. Malah kemampuan berbicara anak-anak ini telah bertambah dan pergaulan dengan teman-teman akan semakin meluas. Ketika ini, anak-anak suka meniru, melakukan apa sahaja yang dapat mereka capai. Kadang-kadang keadaan tersebut menyebabkan ibu bapa membatasi dan membentuk si anak. Perlakuan ibu bapa yang wajar dan penuh dengan kasih sayang serta stabil akan mampu menghidupkan perkembangan jiwa anak-anak (Abdullah Nashih Ulwan, 1996: 179). Sebagai contoh, apabila ibu bapa yang beragama melakukan ibadah solat dengan baik dan tertib maka anak akan meniru dengan baik bak kata pepatah, “kemana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.”

Ibu bapa memainkan peranan yang amat penting sebagai role model perilaku yang anak-anak akan ikut. Jadi, ibu bapa harus sentiasa

ingat bahawa kehidupan seharian mereka dikelilingi dengan anak-anak yang masih kecil kerana tahap pemerhatian anak-anak bagus pada usia mereka sebegini. Para ibu bapa tidak boleh mengeluarkan kata-kata kesat kepada anak-anak mahupun sesiapa yang berada disekelilingnya. Sebagai contoh, situasi dimana berlakunya perselisihan faham dalam rumahtangga. Jika ada masalah yang sebegini, janganlah melepaskan marah tersebut di hadapan kanak-kanak ini.

Hal demikian adalah kerana anak-anak pada usia ini suka untuk mengikut apa jua tindakan orang dewasa. Hal ini demikian dikhuatiri mereka akan turut mengikut untuk menggunakan kata-kata kesat yang sebegini dalam hidup mereka kelak. Tapi disini, bukanlah kata-kata kesat sahaja yang perlu dikawal, tetapi perbuatan dan perilaku ibu bapa juga menjadi perkara utama yang perlu diberi perhatian lebih. Maka, ibu bapa yang mahu meransang perkembangan kognitif kanak-kanak, mereka juga perlu mengamalkan pembangunan kognitif bagi diri mereka sendiri. Apabila ibu bapa menikmati proses pembelajaran dan perkembangan kognitif tersendiri, mereka akan lebih cenderung menjadi role model yang terbaik untuk dicontohi oleh anak-anak. Satu hadis menjelaskan (Muslim, 2001: 4803):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّهُ كَانَ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يَهُودِيَّةً وَيَنْصِرَانَهُ وَيَمَجْسَانَهُ

Maksud: *Abu Hurairah r.a. berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Setiap anak dilahirkan di atas fitrah (suci murni) melainkan ibu bapanya yang menyahudikannya atau mengkristiankannya atau memajusikannya."*

(Muslim)

Ayat dan hadis diatas jelas memerintahkan orang tua untuk memelihara anaknya dari sentuhan api neraka dan mendidiknya dengan bermacam-macam ilmu kepandaian.

PENUTUP

Artikel ini berkisar mengenai proses perkembangan kognitif anak-anak seperti proses pembelajaran, pemahaman dan pemerolehan pengetahuan sejak mereka bayi lagi.

Prosiding ini juga memuatkan beberapa proses pendidikan terhadap anak-anak kecil menurut perspektif Islam. Kami sedari bahawa didalam karya kami ini terdapat banyak kekurangannya. Mulai dari perkara-perkara kecil hinggalah ke besar yang tidak kami perhatikan dalam menulis dan menyusunnya. Oleh sebab itu, semua kritikan dan saranan yang membina dalam memperolehi kesempurnaan dalam karya kami ini adalah sangat diharapkan khususnya daripada Kamarul Azmi Jasmi, pensyarah kursus Sains, Teknologi dan Manusia. Tidak lupa kami ucapkan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat dalam proses terciptanya karya kami ini.

Kesimpulan yang dapat di buat ialah sikap dan tingkah laku ibu bapa merupakan didikan terhadap bayi yang dikandung mahupun anak-anak yang kian membesar. Bak kata pepatah 'manakan kuah kalau tidak tumpah ke nasi'. Maksudnya disini, kalau ibu bapa mempunyai sikap yang negatif seperti panas baran, suka mencaci dan sebagainya. Maka sikap ini akan mempengaruhi anak dalam kandungan serta anak yang sedang membesar dalam proses pembelajaran. Didikan terhadap terhadap anak tidak semestinya menunggu anak itu lahir ke dunia.

Dalam mendidik dan menjaga anak-anak juga tidaklah bergantung sepenuhnya pada ibu bapa semata-mata. Adik-beradik dan keluarga juga turut memainkan peranan dalam proses perkembangan anak-anak ini. Hal demikian adalah kerana kehidupan anak-anak ini dikelilingi oleh keluarganya juga. Jadi ahli keluarga juga haruslah menjaga hubungan yang baik dengan anak-anak ini.

Walaupun ada ketikanya kanak-kanak ini sudah tidak perlukan bantuan dari yang dewasa kerana beberapa faktor misalnya peningkatan

umur, tetapi sebenarnya para penjaga mungkin perlu memerhatikan setiap gerak geri mereka dari jauh. Jika apa yang mereka lakukan itu betul, biarkan dan haruslah menyokong apa yang mereka lakukan itu. Akan tetapi, jika berlaku yang sebaliknya, kita yang dewasa haruslah menegur kesilapan mereka agar pada masa akan datang mereka tidak akan mengulangi kesilapan yang sama. Teguran tersebut pula haruslah sesuai dengan diri anak-anak. Tidak perlu menegur dengan kekerasan kerana ia hanya akan memberikan tanggapan negatif dalam diri anak-anak ini.

Demikian sahaja yang dapat kami paparkan mengenai proses perkembangan kognitif dalam kalangan kanak-kanak dan peranan penjaga dalam mendidik anak-anak kecil ini. Sudah pasti masih banyak kekurangan dan kelemahannya, kerana mungkin daripada pengetahuan yang agak terbatas, kekurangan rujukan dan tentunya agak kekurangan dalam kemahiran penulisan karya ini. Kami berharap para pembaca dapat memberikan kritikan dan saranan yang membina bagi mencapai kesempurnaan karya kami ini. Semoga karya ini berguna bagi pengarang iaitu kami sendiri khususnya dan juga pada para pembaca sekalian.

RUJUKAN

- Abdullah Nashih Ulwan. 1981. *Pedoman Pendidikan Anak-anak dalam Islam*. Jilid 1-2. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Abu 'Awanah, al-Imam Abu 'Awanah Ya'qub bin Ishaq al-Asfira'ni. *Masnad Abi 'Awanah*. Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Ma'rifat.
- Al-Bukhari, al-Imam. 1994. *Sahih Al-Bukhari*. (Tahqiq: Shaikh Abd al-Aziz 'Abdullah). Jil. 1-5. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nasa'i, Ahmad bin Shu'aib Abu 'Abd al-Rahman. 1991. *Sunan al-Nasa'i al-Kubra*. Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tarmidhi, al-Imam. 1994. *Sunan al-Tarmidhi*. Jilid 1-5. Beirut: Dar al-Fikr.
- David Cohen and Stephen 1991. A. MacKeith. *The Development of Imagination The Private Worlds of Childhood*. London and New York: Routledge.

- Dewan Bahasa dan Pustaka*. 2005. Kamus Dewan Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatimah Omar. 1995. *Anak Amanah Allah*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah.
- Fatimah Omar. 2001. *Asuhan Zuriat*. Kuala Lumpur: Crescent News K. L Sdn. Bhd.
- Hall, Sharon K. 2008. *Raising Kids in the 21st Century: The Science of Psychological Health for Children*. United Kingdom: John Wiley & Sons, Ltd.
- Husain Muhammad Haikal. 2004. *140 Tips Pendidikan Anak Bersikap Positif Menurut Rasulullah s.a.w*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Ibn Hibban, Muhammad bin Hibban bin Ahmad bin Hibban bin Mu'az bin Ma'bad al-Tamimi, Abu Hatim al-Darimi al-Busti. *Sahih Ibn Hibban bi al-Tartib Ibn Balaban*. 1372H. Madinah al-Munawwarah: Mu'assat al-Risalat.
- Kathlene M. Galotti. 1957. *Cognitive Development Infancy through Adolescence*. United State of America: SAGE Publications.
- Mek Wok Mahmud & Sri Zuraihan Mohamad. 2010. *Hadirnya Permata Hatiku Pedoman Membina Keluarga Bahagia*. Kuala Lumpur: Must Read Sdn. Bhd.
- Muhammad Ali Qutb. 2009. *50 Nasihat Rasulullah untuk Anak-anak*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.
- Muhammad Ali Qutub. 2007. *50 Wasiat Rasul s.a.w. Untuk Generasi Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.
- Muhammad Taqi Falsafi. 2003. *Anak, antara Kekuatan Gen dan Pendidikan*. T.T. : Penerbit Cahaya.
- Muslim, al-Imam Abu al-Husain Muslim b. al-Hajjaj b. Muslim al-Qushairi al-Naisaburi. 2001. *Sahih Muslim*. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- Syaminan Zainia. 1982. *Arti Anak bagi Seorang Muslim*. Surabaya-Indonesia: Al-Ikhlas.